

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]

SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini perbezaan pendapatan antara penduduk di negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk merapatkan jurang golongan kaya dan miskin.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pekali Gini nasional, jurang pendapatan antara penduduk negara ini semakin berkurangan iaitu daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 0.421 pada tahun 2014 (berdasarkan dapatan awal Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014).

Bagi memastikan jurang pendapatan rakyat ditangani secara berkesan, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, termasuk:

- (i) langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru, terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- (ii) memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah B40, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera di Sabah dan di Sarawak. Bagi golongan berpendapatan sederhana, khususnya golongan berpendapatan sederhana rendah, program-program peningkatan kapasiti dan kapabiliti adalah berdasarkan tahap keperluan golongan tersebut. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan

latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka bagi memperolehi pekerjaan berpendapatan lebih tinggi;

- (iii) memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan serta pembinaan gerai niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Program ini disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- (iv) pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, contract farming dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah melaksanakan projek agropolitan di 11 lokasi yang dikenalpasti yang dijangka memanfaatkan seramai 3,246 orang peserta; dan
- (v) rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Selain daripada itu, Kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, saham amanah, program pendidikan dan latihan termasuk dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Program KWAPM adalah bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah. Turut diberi keutamaan

adalah usaha peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Sekian. Terima kasih.